

## **PROGRAM SHARING SISPAA SIRI I TAHUN 2022 JABATAN NEGERI PAHANG**

**KUANTAN 9 & 10 MAC 2022** - Seramai kira-kira 15 orang peserta yang terdiri dari 7 jabatan yang terdapat di negeri Pahang menghadiri Program *Sharing SISPAA*, Siri 1 Tahun 2022 Jabatan Negeri Pahang, yang telah diadakan pada 9 dan 10 Mac 2022, bertempat di Bilik Latihan ICT 1, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Program ini telah dianjurkan oleh Unit Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang buat kali ke-2 dan dilakukan secara fizikal selepas dianjurkan buat kali pertama pada tahun 2021 yang lalu secara atas talian.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah bagi memastikan *Person in Charge (PIC)* jabatan serta agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang (PSUK) diberi latihan yang berterusan disamping menjadikan program ini satu platform untuk perkongsian permasalahan dari segi teknikal Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA).

Objektif program ini adalah bagi memberi latihan kepada semua *PIC* SISPAA yang baharu bagi jabatan serta agensi di bawah PSUK Negeri Pahang. Selain itu, program ini juga dapat memastikan *Key Performance Indicator (KPI)* aduan Negeri Pahang dapat mencapai sasaran yang ditetapkan. Program ini memberi fokus kepada pelaksanaan proses pengendalian aduan dengan menggunakan SISPAA supaya dapat dilaksanakan dengan betul dan berjaya dilaksanakan.

Ceramah telah disampaikan oleh Tuan Ahmad Nasrullah bin Abdul Halim, Penolong Pengarah Biro Pengaduan Awam Pahang (BPA) dibantu oleh Encik Bo Yamin bin Isa.

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**#PahangGo**

Oleh: Unit Korporat, Wisma Sri Pahang

Foto: Afiq Yusof





